

Agama Islam Dengan Perselisihan Faham Di Antara Malaysia Dengan Pakistan

Dari permulaan peperangan di antara India dengan Pakistan, kerajaan Malaysia adalah mengisytiharkan bahawa ia berkecuali – tidak memihak mana-mana pihak pun – kerana kedua-dua kerajaan yang berperang itu adalah keluarga di dalam *Commonwealth* dan kerana itulah kerajaan Malaysia berharap bahawa sengketa di antara kedua-dua kerajaan itu dapat didamaikan dan segala perselisihan dapat diselesaikan dengan aman dan dengan rundingan yang baik di antara kedua-dua kerajaan yang menjadi sahabat kepada Malaysia. Kerajaan Malaysia, daripada apa yang diisytiharkan adalah sentiasa menyokong langkah Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu dalam usaha-usahnya menegakkan dan mendirikan keamanan dunia.

Tetapi apabila Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu bermesyuarat untuk mengambil sesuatu keputusan bagi mendamaikan dan menuntut kedua-dua negara itu berhenti tembak-menembak dalam masa itulah, wakil Malaysia, Tuan Ramani, yang berasal daripada India tetapi telah menjadi rakyat Malaysia dan menjadi wakil tetap Malaysia dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu membuat kenyataan yang bolehlah dikatakan dipandang oleh sebahagian orang sebagai menyebelahi pihak India yang di antaranya memandang perkara yang menjadi punca perselisihan di antara India dengan Pakistan tentang tanggungjawab Bangsa-bangsa Bersatu untuk mengadakan pilihan raya di Kashmir pada tahun 1948/9 sebagai suatu keputusan yang tidak boleh dipakai.

Mungkin Tuan Ramani memandang bahawa perjanjian Maharaja Hari Singh memasukkan Kashmir ke dalam Kesatuan India setelah berhenti tembak-menembak 1949 sebagai suatu perkara muktamad dan kehendak daripada kerajaan Kashmir dan dengan kerana itu mungkin didasarkan kepada dasar undang-undang bahawa keputusan yang terdahulu daripada itu sebagai mansuh. Ini bermakna keputusan Bangsa-bangsa Bersatu atas Kashmir mengadakan pilihan umum

menentukan adakah umat Kashmir mahu bersatu dengan India atau Pakistan adalah satu tuntutan yang tidak patut dilayan kerana telah dibatas dengan perjanjian yang dibuat oleh Maharaja Hari Singh bersatu ke dalam Kesatuan India itu.

Mungkin juga dengan dasar inilah Tengku Abdul Rahman dan Tun Razak menyatakan Tuan Ramani adalah mengikut tugas yang diwajibkan kepadanya untuk menentukan bahawa Malaysia adalah berkecuali tetapi perkara yang memburukkan persoalan itu menjadikan orang memandang bahawa Tuan Ramani (Malaysia) memang berat sebelah iaitu apabila Menteri Pelajaran India Tuan Chukala yang diutus ke Majlis Bangsa-bangsa Bersatu memuji-muji Tuan Ramani dan dan mensifatkan ucapan Tuan Ramani itu “seolah-olah dituturkan oleh wakil India sendiri.”

Bantahan Pakistan

Duta kerajaan Pakistan di Malaysia telah menyampaikan suatu nota kepada Tun Abdul Razak bin Hussein, sebagaimana yang disiarkan oleh akhbar, setelah berusaha tidak dapat menemui Tengku kerana “Tengku sibuk”

(Di sambungannya di muka 37)